



PERDANA LIBRARY  
 PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
 NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	31/5/2011

# Kerajaan perlu bijak tangani pengurangan subsidi

Penyaluran maklumat secara menyeluruh bantu rakyat memahami rasional tindakan diambil




**S**ETIAP kali isu pengurangan subsidi dibangkitkan, ramai yang akan merungut lantaran kesan kenaikan terhadap perbelanjaan seharian yang bakal di hadapi. Namun, masih ramai masyarakat kita yang tidak menyedari bahawa pemberian subsidi, terutama barangan petroleum, banyak memberi manfaat kepada golongan berpendapatan tinggi. Menurut laporan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada Februari 2010, 80 peratus daripada manfaat subsidi petroleum pergi kepada 40 peratus golongan mewah. Sekiranya kita mengambil angka ini sebagai penunjuk aras di negara ini, jelas sekali subsidi ini tidak memberi manfaat sepenuhnya kepada golongan sasaran, sekali gus telah berlaku pembaziran terhadap sumber dana kerajaan yang terhad.

Jika dilihat dari sudut profil upah dan gaji, masih ramai rakyat di negara ini yang tidak mempunyai pendapatan tinggi. Berdasarkan kajian National Employment Return 2009 (NER), terdapat 33.8 peratus daripada 1.3 juta contoh yang diambil mempunyai pendapatan di bawah RM700 sebulan, manakala 36.8 peratus pula mempunyai pendapatan di antara RM700 hingga RM1,499 sebulan. Jadi, ter-

cepat lebih 70 peratus daripada contoh yang diambil berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan. Berdasarkan laporan media, subsidi minyak yang bakal ditanggung kerajaan pada tahun ini dianggarkan RM18 bilion. Bayangkan 80 peratus daripada angka itu iaitu sebanyak RM14.4 bilion dinikmati oleh golongan berpendapatan tinggi dan bakinya, 20 peratus, hanya dirasakan golongan yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan.

Bagaimanapun, isu pengurangan subsidi seharusnya tidak dikaitkan dengan kedudukan kewangan kerajaan secara negatif. Ada segelintir yang berpendapat bahawa kedudukan kewangan kerajaan adalah lemah, lantas program pengurangan subsidi diperlukan. Dakwaan sebegini perlu di sangkal memandangkan kewangan kerajaan masih berada dalam keadaan baik. Sebagai contoh, hutang kerajaan mengalami penurunan pada suku pertama 2011 kepada 51.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) berbanding 53.1 peratus pada 2010. Selain itu, sebahagian besar daripada hutang kerajaan Malaysia diterbitkan dalam negara iaitu sebanyak 96.3 peratus daripada keseluruhan hutang kerajaan pada suku pertama 2011. Ini bermakna kerajaan sentiasa mempunyai fleksibiliti yang tinggi dalam pengurangan kewangannya. Di samping itu, permintaan terhadap hutang kerajaan adalah tinggi oleh institusi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), sektor perbankan



MAKLUMAT mengenai pemberian subsidi minyak harus disampaikan kepada pengguna dengan jelas dan mudah agar ia diterima dengan baik.

dan insurans memandangkan risiko kredit rendah. Permintaan yang tinggi terhadap hutang kerajaan akan memastikan kos pinjaman atau kadar faedah yang dibayar oleh kerajaan akan sentiasa berada pada tahap rendah.

Dalam usaha kerajaan untuk merasionalisasikan subsidi ini, aspek maklumat atau ketelusan di dalam penetapan harga petroleum juga penting bagi memastikan rakyat dapat memahami keadaan sebenar. Setakat ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan

Kepenggunaan (KPDNKK) ada menyediakan maklumat mengenai penetapan harga petroleum ini. Menurut KPDNKK, terdapat tujuh perkara dalam penetapan harga minyak petroleum di negara ini. Pertama, kos produk akan ditentukan oleh purata harga harian 'Mean of Platts Singapore' (MOPS) di pasaran Platts sebagai asas bagi menentukan kos produk RON97, RON95 dan diesel. Kedua, ialah Alpha iaitu perbezaan di antara harga di pasaran Platts dan harga minyak yang dibeli syarikat minyak. Ke-

rajaan menetapkan nilai Alpha pada kadar 5 sen seliter untuk petrol dan 4 sen seliter bagi diesel. Ketiga ialah kos operasi bagi tujuan pengangkutan dan pemasaran yang ditetapkan oleh kerajaan sebanyak 9.54 sen seliter. Keempat ialah margin atau kadar keuntungan syarikat minyak yang ditetap pada kadar 5 sen seliter bagi petrol dan 2.25 sen seliter bagi produk diesel. Kelima ialah margin bagi pengusaha stesen minyak yang ditetapkan pada 12.19 sen seliter bagi petrol dan 5 sen seliter bagi diesel. Keenam, cukai jualan yang dikenakan ke atas produk petroleum ini, iaitu sebanyak 58.62 sen seliter bagi petrol dan 40 sen seliter bagi diesel. Akhir sekali, subsidi akan diberikan apabila harga sebenar lebih tinggi daripada harga runcit yang ditetapkan selepas mengambil kira cukai jualan.

Maklumat sebegini perlu disampaikan dengan lebih menyeluruh dan dengan bahasa yang mudah difahami oleh rakyat. Selain itu dengan memaparkan harga sebenar produk petroleum untuk setiap bulan juga dilihat mampu untuk memberi kesedaran dan ketelusan kepada masyarakat selain dapat merancang perbelanjaan bulanan yang lebih efektif. Jelasnya, isu pengagihan subsidi yang lebih cekap adalah isu yang sepatutnya diberi perhatian bagi memastikan sumber dana kerajaan yang terhad dapat digunakan dengan lebih cekap.

Penulis ialah penganalisis ekonomi di Malaysian Rating Corporation Bhd